



**MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (No. Syarikat 201001019176(902884-V))  
(Dahulu di kenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)  
(Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk mengemukakan bidaan bagi RFP berikut:

TAJUK CADANGAN DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	PRA-PENDAFTARAN RFP DAN TAKLIMAT	TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN RFP
<p><b>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR THE SELECTION OF PARKING OPERATOR FOR IDENTIFIED SITES ALONG THE MRT KAJANG AND PUTRAJAYA LINE ALIGNMENT</b></p> <p><b>(RFP NO: Mulp-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000003)</b></p>	<p>Pembida hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Sijil berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</li><li>2. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) di bawah Kod Perkhidmatan: 221510 – Sewaan dan Pengurusan Tempat Letak Kereta;</li><li>3. Sijil Status Bumiputera (samada dari Kementerian Kewangan (MoF) atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)); dan</li><li>4. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) semasa dengan status 'Patuh'.</li></ol>	<p>Pendaftaran akan dibuka mulai <b>Isnin, 18 Mei 2026</b> sehingga <b>Jumaat, 29 Mei 2026</b>.</p> <p>Hanya pembida yang telah berjaya mendaftar serta memenuhi semua syarat-syarat RFP akan layak menerima Dokumen RFP yang akan diberikan secara percuma melalui emel.</p> <p>Pembida yang disenarai pendek dan memenuhi syarat-syarat sahaja yang akan menerima jemputan untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang dijadualkan pada hari <b>Rabu, 3 Jun 2026</b>.</p> <p><b>PRA-PENDAFTARAN</b></p> <p>Semua pemohon yang berminat hendaklah membuat pra-pendaftaran melalui borang dalam talian di salah satu pautan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">http://www.mymrt.com.my</a>;</li><li>2. <a href="https://forms.gle/YpqQEpwXLSz7xCH6">https://forms.gle/YpqQEpwXLSz7xCH6</a>;</li><li>3. Imbas Kod QR yang disediakan.</li></ol>  <p>Wakil syarikat yang dinamakan hendaklah merupakan pegawai utama yang berkelayakan serta mempunyai pengetahuan dalam urusan RFP dan kontrak berkaitan skop, dan hendaklah diberi kuasa secara rasmi melalui surat kebenaran syarikat, terdiri daripada salah satu jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengarah Urusan; atau</li><li>2. Pengurus Projek; atau</li><li>3. Pengurus Kontrak atau setaraf.</li></ol>	<p>Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada <b>12:00 tengah hari, Jumaat, 15 Jun 2026</b>.</p>

**Nota:**

1. Tawaran hendaklah dibuat menggunakan Dokumen RFP yang dikeluarkan oleh MRT Corp sahaja.
2. Pembida hendaklah mengemukakan Dokumen RFP yang telah lengkap diisi bersama semua dokumen sokongan mengikut format dan kaedah yang dinyatakan dalam Dokumen RFP dan sebarang penyerahan lewat tidak akan diterima.
3. Semua pembida hendaklah mematuhi segala keperluan statutori, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia termasuk sebarang pindaan atau penguatkuasaan semula.
4. Dengan pengeluaran Notis ini, MRT Corp tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi atau mana-mana tawaran.
5. MRT Corp berhak menerima atau menolak mana-mana tawaran tanpa memberikan sebarang alasan dan tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada pembida terlibat.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan RFP ini hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui faks di **03-2095 2121** atau emel ke [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my).